

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB SENATOR TUAN ISMAIL BIN YUSOP

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Ismail bin Yusop minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha Kementerian bagi mengatasi isu kemurungan dan kebimbangan yang berlaku akibat dari tekanan pandemik COVID-19 meliputi kesihatan, ekonomi, gangguan seksual, gejala buli serta keganasan rumah tangga dalam kalangan institusi keluarga dan masyarakat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mewujudkan perkhidmatan bantuan sokongan psikologi secara atas talian untuk membantu mereka yang mengalami masalah psikologi atau emosi semasa penularan wabak COVID-19. Mana-mana pihak atau individu yang memerlukan perkhidmatan tersebut boleh menghubungi Talian Kasih 15999 (Bebas Tol) atau melalui *Whatsapp* 019-26 15999 bagi mendapatkan maklumat, sokongan emosi dan kaunseling sekali gus dapat membantu ke arah menangani isu kemurungan dan kebimbangan yang berlaku akibat dari tekanan pandemik COVID-19.

Talian ini dibuka kepada semua kumpulan sasar Kementerian meliputi golongan wanita, lelaki, warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak termasuklah mangsa keganasan rumah tangga dan mangsa gangguan seksual. Jumlah aduan yang diterima melalui Talian Kasih 15999 yang melibatkan perkhidmatan kaunseling sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dari 18 Mac hingga 17 Ogos 2020 adalah sebanyak 2,248 aduan. Perkhidmatan yang disediakan menerusi Talian Kasih 15999 merupakan antara medium utama dalam membantu meringankan tekanan psikologi yang dihadapi oleh masyarakat semasa PKP. Berdasarkan Kajian Tinjauan Talian Kasih 15999 sebagai *Hotline* Aduan Rakyat semasa PKP yang dilaksanakan oleh Institut Sosial Malaysia (ISM) telah menunjukkan tahap kepuasan terhadap perkhidmatan Talian Kasih adalah sebanyak 70% daripada 344 responden.

Berhubung isu kes keganasan rumah tangga pula, ia ditangani melalui peruntukan perundangan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [*Akta 521*] yang turut memperuntukkan perlindungan kepada mangsa dari pelaku melalui Perintah Perlindungan Kecemasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi keganasan rumah tangga yang memerlukan tindakan segera iaitu keganasan berbentuk fizikal. Selain itu, mangsa juga boleh mendapatkan perlindungan melalui Perintah

SOALAN NO. : 38

Perlindungan Sementara dan Perintah Perlindungan yang dikeluarkan oleh mahkamah.

Justeru diharap dengan perkhidmatan kaunseling menerusi Talian Kasih 15999 dapat membantu masyarakat dalam menangani isu kemurungan dan kebimbangan semasa pandemik COVID-19 melanda negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB SENATOR PUAN RAS ADIBA BINTI
MOHD RADZI**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah Kerajaan akan memberikan insentif penjana kepada semua OKU yang berdaftar di bawah JKM kerana sehingga kini hanya OKU yang menerima elaun-elaun sedia ada sahaja mendapat insentif berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) diberi tanggungjawab melaksanakan Bantuan Khas kepada Orang Kurang Upaya (OKU) di bawah inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang telah diumumkan pada 5 Jun 2020 yang lalu.

Bagi melaksanakan tanggungjawab ini, Kementerian Kewangan telah menyediakan peruntukan kepada KPWKM sebanyak RM57 juta yang memberi manfaat kepada 190,000 OKU yang merupakan penerima bantuan JKM layak menerima Bantuan Khas Orang Kurang Upaya PENJANA.

KPWKM sedia maklum bahawa terdapat 567,435 OKU yang berdaftar dengan JKM sehingga Julai 2020. Walau bagaimanapun, Bantuan Khas ini merupakan bantuan bersasar dan bukannya insentif untuk semua OKU yang berdaftar. Contoh OKU yang berdaftar dan mempunyai pekerjaan di sektor awam ataupun swasta dan mempunyai pendapatan RM1,200 ke atas tidak layak menerima bantuan bersasar ini.

Bantuan ini adalah dikhususkan kepada penerima bantuan di bawah skim Bantuan Kewangan Bulanan OKU iaitu Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan Orang Kurang Upaya Tidak Bekerja (BTB) dan Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/Pesakit Kronik Terlantar (BPT). Selain daripada bantuan khas ini, KPWKM melalui JKM turut membantu semua lapisan masyarakat yang terkesan dengan wabak pandemik COVID-19 termasuk golongan OKU dengan memberikan Bantuan Bakul Makanan kepada mereka yang terlibat.

Penerima Bantuan Khas adalah terdiri daripada golongan OKU seperti berikut 75,722 OKU yang tidak berupaya bekerja, 26,368 OKU dan Pesakit Kronik Terlantar dan 87,910 OKU yang bekerja dan berpendapatan di bawah RM1,200. Kumpulan ini merupakan golongan OKU yang paling terkesan semasa dan pasca COVID-19.

SOALAN NO. : 53

Sehubungan itu, diharapkan Bantuan Khas ini dapat membantu meringankan beban golongan ini semasa dan pasca COVID-19.

Sehingga 5 Ogos 2020, bagi fasa 1, seramai 185,770 orang (97%) telah menerima Bantuan Khas ini dengan jumlah peruntukan yang telah disalurkan sebanyak RM55.7 juta. JKM kini sedang memproses bagi pembayaran fasa 2 kepada seramai 4,230 penerima baru bagi bulan Jun, Julai dan Ogos 2020 dengan peruntukan sebanyak RM1.3 juta. Bayaran akan diterima selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2020.